



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	18/2/2013

3 aib besar menimpa Perdana Menteri dan Umno-BN Imej Najib merudum

Harakah - 18/2/2013

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Mampukah Malaysia melalui peralihan kuasa yang aman dengan Pakatan Rakyat menggantikan BN sebagai Kerajaan Malaysia yang baru di Putrajaya pada PRU13?

Demikian persoalan yang dilontarkan Penasihat DAP Kebangsaan, Lim Kit Siang berhubung pengiraan detik 56 hari menuju PRU13.

Beliau berkata, sekiranya dapat dicapai dalam PRU13, maka ia akan mengubah aib Perdana Menteri di dalam kemelut Psy dan Gangnam Style yang menjadi rahmat kepada negara.

Ini, ujarnya, membolehkan Malaysia membuka halaman baru untuk mencapai "Merdeka Kedua" apabila rakyat Malaysia mampu berdiri sama tinggi dan bukannya bersaing sesama sendiri tetapi dengan negara-negara lain dalam dunia.



Lim Kit Siang

Kata Kit Siang, kemunculan Psy dan Gangnam Style pada pesta Tahun Baru Cina BN di Pulau Pinang sepatutnya menjadi hiburan dan rampasan kuasa politik di dalam sejarah negara sehingga Najib, Umno dan BN mendapat majoriti dua pertiga parlimen tetapi telah bertukar menjadi kemusnahan besar politik dan perhubungan awam.

Tambahnya, tiga aib besar yang menimpa Najib dan Umno-BN dan yang lebih

buruk lagi turut memalukan negara, iaitu:

1. Video satu minit "tiga Ya untuk Psy dan tiga Tidak untuk BN" yang pantas tersebar selepas kemeriahan di Sekolah Han Chiang ditonton hampir setengah juta di YouTube daripada banyak laman sejak Isnin.

2. Video lima minit "Psy tiada, Najib-BN merah muka ketika acara mengaul yee sang", video kedua tentang kemunculan Psy di pesta Tahun Baru Cina BN di Pulau Pinang yang pantas tersebar, memaparkan Najib, mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan menteri kabinet menunggu bintang Korea itu selama lima minit untuk menyertai mereka dan tersipu-sipu meninggalkan pentas tanpa mengaul "yee-sang" apabila Psy menolak. Ini merupakan kejadian yang merosakkan maruah negara dan memalukan semua rakyat Malay-

sia tidak kira Pakatan atau BN - yang mana Perdana Menteri dan mantan Perdana Menteri terpaksa mengorbankan maruah negara demi kehangatan K-pop Korea.

3. Psy menolak untuk mempersembahkan "Gangnam 1Malaysia Style". Najib telah mengumumkan di atas pentas selepas kerosakan "3 Ya untuk Psy dan 3 Tidak untuk BN" berkenaan "persembahan menarik" Psy, mengisytiharkan "(Psy) is ready for us and he will show you the proper Gangnam Style and I am told he has a surprise for you - the Gangnam 1Malaysia Style" tetapi Psy tidak mempersembahkan kejutan "Gangnam 1Malaysia Style" dan ini menghancurkan harapan Najib dan peluang pemimpin BN seperti Menteri Pelancongan, Dato' Seri Dr Ng Yen Yen untuk menari "Gangnam 1Malaysia Style" dengan bintang pop Korea Selatan itu di Pulau Pinang.

PAS desak BN jelaskan siapa taja Psy

KUALA LUMPUR: PAS mendesak pihak Kerajaan Umno-BN terutama pihak Kementerian Pelancongan menjelaskan dengan segera kepada rakyat tentang pihak yang menaja penyanyi sensasi Korea Selatan, Psy di Pulau Pinang 11 Februari lalu kerana ia membabitkan jumlah yang amat besar.

Ketua Pengarah Jabatan Pilihan Raya PAS, Dr Mohd Hatta Ramli berkata, Kerajaan Umno-BN tidak sepatutnya membazir tetapi oleh kerana mahukan sokongan rakyat terhadap BN di Pulau Pinang, mereka sanggup membayar berapa sahaja.

Sehingga kini, katanya, BN tidak berani mahu mendedahkan siapakah penaja majlis sambutan Tahun Baru Cina BN di Pulau Pinang itu, kerana penganjurannya dilihat seperti mempunyai muslihat tertentu.

Sebelum ini, menurut beliau, Menteri Pelanco-



Dr Hatta Ramli

ngan, Dato' Sri Dr Ng Yen Yen begitu bersungguh-sungguh dengan acara itu, malah kejayaan membawa masuk Psy untuk menjayakan konsert itu dikatakan satu kejayaan besar BN.

"Tetapi apabila berlaku kekecohan, Dato' Seri Dr Ng Yen Yen tidak pula mengaku konsert itu ditaja oleh kerajaan. Jadi kita ingin tahu siapakah yang menjajanya?" katanya ketika dihubungi Harakah 15 Februari lalu.